E-Journal of Islamic Thought and Understanding
Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Cawangan Melaka, Malaysia

Volume 7 No 2 (2024)

SAYYIDATINA SITI KHADIJAH R.A INSPIRASI WANITA KELANTAN: MENYINGKAP CIRI-CIRI KEPERIBADIAN USAHAWAN WANITA KELANTAN YANG BERJAYA

Rosfatihah Che Mat[1*], Sakinah Mat Zin[1,] Nik Sarina Nik Md Salleh[1], Nur Azureen Abd Hadi[1] & Nur Hazelen Mat Rusok[1]

[1]Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Kelantan
18500, Machang, Kelantan
* rosfa407@uitm.edu.my (Corresponding Author)

DOI: https://doi.org/10.24191/ejitu.v7i2.6040

Abstrak

Usahawan wanita Kelantan sinonim dengan alam perniagaan dan seringkali mempamerkan kejayaan yang memberangsangkan hasil daripada perlaksanaan aktiviti keusahawanan. Aktiviti perniagaan wanita Kelantan dilihat mempunyai keunikan tersendiri yang jarang dimiliki oleh peniaga wanita di kebanyakan negeri lain. Menariknya, ciri-ciri usahawan wanita Kelantan dilihat amat mirip dengan beberapa ciri-ciri keperibadian dan berteraskan keusahawanan Sayyidatina Khadijah R.A yang jarang diketengahkan dalam kajian lepas. Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah kualitatif, yang melibatkan temubual dengan 61 orang wanita Kelantan yang terpilih. Dapat kajian telah mendapati beberapa ciri keperibadian yang memainkan peranan penting dalam kejayaan usahawan wanita Kelantan. Ciri-ciri keperibadian yang dikenal pasti berhubung kait dengan kejayaan seseorang usahawan wanita Kelantan, antaranya adalah iaitu minat yang mendalam dalam perniagaan, kreatif dan inovatif, berakhlak, menekankan amalan ibadah serta keyakinan dan keimanan kepada Allah.

E-JITU

Acceptence date:
17 September 2024

Valuation date:
24 September 2024

Publication date:
21 October 2024

***Kata kunci**: Usahawan Wanita, Kelantan, Sayyidatina Khadijah R.A, Ciri-Ciri Keperibadian*

E-Journal of Islamic Thought and Understanding
Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Cawangan Melaka, Malaysia

Volume 7 No 2 (2024)

SAYYIDATINA SITI KHADIJAH R.A THE INSPIRATION FOR KELANTAN WOMEN: REVEALING THE PERSONALITY TRAITS OF SUCCESSFUL KELANTANESE WOMEN ENTREPRENEURS

Abstract

Kelantan women entrepreneurs are synonymous with the business world and often exhibit impressive success as a result of the implementation of entrepreneurial activities. The business activities of Kelantan women are seen to have their own uniqueness that women traders rarely own in most other states. Interestingly, the characteristics of Kelantan women entrepreneurs are seen to be very similar to some of the personality traits and entrepreneurship of Sayyidatina Khadijah R.A which are rarely highlighted in previous studies. The study was conducted using a qualitative method, which involved interviews with 61 selected Kelantan women. Studies have found several personality traits that play an important role in the success of Kelantan women entrepreneurs. The personality traits identified in relation to the success of a Kelantan female entrepreneur include a keen interest in business, being creative and innovative, having morals, emphasizing the practice of worship as well as confidence and faith in Allah.

Keywords*: Female Entrepreneur, Kelantan, Sayyidatina Khadijah R.A, Personality Traits*

PENGENALAN

Penglibatan aktif wanita Kelantan dalam aktiviti ekonomi amnya dan perniagaan khususnya menyebabkan mereka dipandang tinggi kerana ciri ciri keperibadian dan cara mereka melestarikan pernigaan. Usahawan wanita ini mampu terus bergiat dalam bidang perniagan walaupun mendepani pelbagai cabaran dan halangan terutamanya di dalam kegiatan ekonomi negara (Ibrahim & Dawood, 2020). Namun, segala halangan tersebut tidak menjadi isu besar kepada usahawan wanita terutamanya, apabila wanita Kelantan menjadi antara penyumbang terbesar kepada kemajuan ekonomi negeri Kelantan.

Merujuk kenyataan media daripada JPM pada tahun 2020 menyatakan kadar keluaran dalam negara kasar (KDNK) dalam negeri Kelantan adalah sebanyak 5.6 peratus yang mana lebih baik berbanding kadar purata KDNK negara adalah sebanyak -1.2 peratus. Sumbangan KDNK dari negeri Kelantan yang tinggi adalah selari dengan jumlah penglibatan usahawan wanita. Berdasarkan data yang diperoleh dari Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC), peratusan usahawan wanita berketurunan Kelantan adalah antara yang tertinggi jika dibandingkan dengan negeri lain iaitu sebanyak 38%. Hal ini dapat dibuktikan lagi dengan hasil sumbangan KDNK dari negeri Kelantan yang signifikan telah menunjukkan kejayaan mereka dalam menjalankan perniagaan dan memberi peluang pekerjaan kepada penduduk sekitar.

PERMASALAHAN KAJIAN

Ciri-ciri usahawan wanita Kelantan dilihat amat mirip dan berteraskan ciri-ciri keusahawanan Sayyidatina Khadijah R.A yang jarang diketengahkan. Sayyidatina Khadijah R.A merupakan seorang usahawan yang juga isteri paling dikasihi oleh Baginda Rasulullah SAW. Kajian mengenai keperibadian usahawan wanita masih yang berjaya adalah terhad, terutama di Kelantan. Maka, perlu kajian yang khusus untuk mengkaji budaya perniagaan wanita Kelantan dan ciri-ciri keperibadian yang mana dilihat mempunyai keunikan tersendiri yang sangat mirip keperibadian Sayyidatina Khadijah R.A.

SOROTAN LITERATUR

Sayyidatina Khadijah R.A telah berperanan sebagai pemodal kepada perniagaan yang dilaksanakan oleh Nabi Muhammad SAW (Abu Bakar, 2013). Sayyidatina Khadijah R.A adalah orang pertama yang mengambil keputusan bijak dan cekal mempercayai dan menerima Nabi Muhammad SAW sebagai rakan kongsi di saat orang lain tidak menyakini kehebatan Baginda Rasulullah SAW terutamanya dalam bidang perniagaan. Beliau juga adalah sosok penting yang berani dan bertanggungjawab mengambil risiko menerima, membiayai dan mengembangkan cetusan minda usahawan Rasullulah SAW. Atas sebab inilah, beliau dikategorikan sebagai tokoh usahawan wanita ulung di zaman para sahabat.

Ciri – Ciri Terpilih Berkaitan Keperibadian Sayyidatina Khadijah R.A

Sayyidatina Khadijah RA adalah seorang yang memiliki keimanan yang kukuh (Abu Bakar, 2013). Ini dapat dibuktikan dengan jelas apabila beliau membangunkan perniagaan atas dasar keadilan dan kedermawanan (Mohd Dzul Khairi, 2009). Konsep perniagaan beliau adalah berdasarkan hukum, etika yang mengikut syariah dan cara berniaga yang halal bagi menjamin keberkatan rezeki dan kemaslahatan umat Islam. Strategi "tajaan" kewangan hasil daripada keuntungan adalah sebahagian daripada kejayaan misi dakwah Islam Sayyidatina Khadijah RA. Matlamat kehidupan untuk berjaya dunia dan akhirat dan keinginan meraih keredhaan Allah SWT mendorong beliau dalam menentukan keseimbangan antara keperluan perniagaan dan tuntutan syariah, untung dan rugi, halal dan haram, syubhah dan makhruh (Salleh, 2013).

Sayyidatina Khadijah R.A merupakan seorang usahawan yang berorientasikan keberhasilan melalui usahanya yang bersungguh-sungguh. Abd Hadi & Borhan (2013) menegaskan bahawa beliau adalah seorang yang sangat rajin berusaha, kuat semangat dan cekap dalam pengurusan. Beliau juga seorang yang amat teliti dan sangat tekun dalam menguruskan perniagaannya dan cekal menghadapi segala permasalahan yang timbul dengan baik apabila beliau sendiri turun padang untuk memantau para pekerjanya melaksankan tugasan masing-masing. Beliau bersifat mendidik dan sentiasa berkongsi pengalaman dan kemahiran dengan para pekerjanya. Malah, Sayyidatina Khadijah R.A memiliki pelbagai strategi perniagaan yang ampuh untuk digunakan bagi mengembangkan dan memajukan prestasi perniagaan sedia ada. Sayid (1990) turut menambah bahawa

Sayyidatina Khadijah R.A merupakan seorang yang berfikiran tajam, bercita-cita tinggi dan memiliki peribadi yang luhur dalam mengendalikan perniagaannya.

METODOLOGI KAJIAN

Reka Bentuk Kajian

Kajian kes ini dilakukan bagi mengenalpasti element keperibadian yang mempengaruhi kejayaan usahawan wanita di Kelantan berdasarkan beberapa keperibadian Sayyidatina Khadijah R A.

Populasi dan Persampelan

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui teknik temu bual responden secara mendalam dengan menggunakan persampelan bertujuan. Pemilihan wanita Kelantan terutamanya usahawan wanita oleh pihak Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita (U-KekWa) sebagai responden berdasarkan ciri-ciri seperti; mempunyai bilangan anak sekurang-kurangnya empat (4) orang dan lebih, memiliki anak-anak yang berjaya, rumahtangga yang bahagia serta suami sebagai penyokong kepada aktiviti wanita tersebut. Selain itu, masyarakat mengiktiraf mereka dan pernah memenangi anugerah atau menjadi Tokoh Wanita Kelantan atau ikon/tokoh dari mana-mana agensi. Mereka juga pernah menjawat jawatan tertinggi dalam organisasi, mempunyai akhlak yang disegani dan cekal dalam menghadapi cabaran. Responden juga dipilih berdasarkan sumbangan dalam perjuangan dan dakwah, aktif dan komited dengan dakwah, berpendapatan tinggi dan menjadi tulang belakang suami dan keluarga.

Kaedah Pengumpulan Data

Instrumen kajian yang digunakan adalah menggunakan kaedah temu bual berstruktur dengan usahawan wanita Kelantan yang dipilih sebagai responden. Kaedah temu bual digunakan bagi mengetahui perspektif dan interpretasi seseorang terhadap sesuatu isu atau keadaan di sekelilingnya.Bilangan usahawan yang telah ditemu bual adalah seramai enam puluh satu (61) orang wanita Kelantan yang kebanyakannya adalah usahawan wanita. Temu bual ini memerlukan responden untuk memberikan pendapat atau input mereka berdasarkan 45 soalan berstruktur. Soalan berstruktur ini ini telah dihasilkan dengan merujuk kepada kajian lepas dan juga mendapat kebenaran dari pihak U-KeKWa.

Analisis Data

E-Journal of Islamic Thought and Understanding
Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Cawangan Melaka, Malaysia

Volume 7 No 2 (2024)

Secara keseluruhannya, data-data yang diperolehi adalah dilakukan analisis menggunakan NVIVO 12 dan tema-tema utama disenaraikan. Tema yang telah disenaraikan adalah seperti berikut; minat yang mendalam dalam perniagaan, kreatif dan inovatif, berakhlak, menekankan amalan ibadah serta keyakinan dan keimanan kepada Allah.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Demografi Responden

Dapatan kajian menunjukkan kebanyakan usahawan wanita Kelantan terdiri daripada yang berumur 40 – 49 tahun iaitu sebanyak 26.0 %, manakala, hanya 3.0% daripada keseluruhan informan kajian terdiri daripada golongan wanita yang berumur 20 – 29 tahun. Selain daripada itu, lebih separuh daripada jumlah keseluruhan informan kajian ini merupakan wanita yang berkahwin iaitu sebanyak 72.0%. Dari sudut latar belakang pendidikan, sebanyak 33.0% informan mempunyai pendidikan sekolah menengah. Namun begitu, terdapat juga informan yang tidak mempunyai pendidikan sekolah iaitu sebanyak 2.0%, jumlah peratus ini adalah terdiri daripada informan yang hanya mempunyai latar belakang pendidikan sijil sahaja. Meskipun begitu, sebanyak 8.0% daripada jumlah informan tidak menyatakan latar belakang pendidikan mereka. Di samping itu, sebanyak 33.0% informan dapat menjana pendapatan bulanan RM 0 – 10 ribu setiap bulan, manakala, hanya 5.0% daripada mereka yang mampu menjana RM 50 – 100 ribu pada setiap bulan.

Selanjutnya, majoriti informan mempunyai kategori produk kosmetik (10.0%) iaitu seramai 7 orang, manakala sebilangan minoriti informan (1.0%) adalah memiliki produk / perkhidmatan seperti rumah inap desa, keselamatan, perkapalan, takaful, optometri, butik pengantin, akademi spa mobile, kraftangan dan komoditi.

Maklumat Informan	**Informan (n=61)**	
	Kekerapan	Peratusan (%)
UMUR		
20 - 29	2	3.0
30 - 39	13	21.0
40 - 49	16	26.0
50 - 59	14	23.0
60 - 69	9	15.0
70 ke atas	7	12.0
STATUS PERKAHWINAN		

Bujang	1	2.0
Berkahwin	44	72.0
Janda / Balu / Ibu Tunggal	16	16.0
LATAR BELAKANG PENDIDIKAN		
Tidak Bersekolah	1	2.0
Sekolah Rendah	6	10.0
Sekolah Menengah	20	33.0
Sijil	1	2.0
Diploma	10	16.0
Sarjana Muda	15	24.0
Sarjana/ MBA	3	5.0
Tidak dinyatakan	5	8.0
PENDAPATAN BULANAN (rm)		
0-10 Ribu	24	39.0
10 – 50 Ribu	9	15.0
50-100 Ribu	3	5.0
100 Ribu ke atas	8	13.0
Tidak dinyatakan	17	28.0
Kategori Produk / Perkhidmatan		
Perkhidmatan Kerajaan	4	6.0
Perkhidmatan Sewa	2	3.0
Rumah Inap Desa	1	1.0
Keselamatan	1	1.0
Perkapalan	1	1.0
Takaful	1	1.0
Taska	2	3.0
Optometri	1	1.0
Aksesori/ barangan	2	3.0
Perabot	2	3.0
Butik Pengantin	1	1.0
Akademi Spa Mobile	1	1.0
Kosmetik	7	10.0
Emas	2	3.0
Kesihatan	3	4.0
Pakaian (tudung/baju)	2	3.0
Batik/ Songket	3	4.0
Kraftangan	1	1.0
Penternakan	2	3.0
Pertanian	3	4.0
Komoditi	1	1.0
Madu Kelulut	3	4.0
Sos & Pes Masakan	5	7.0

Restoran/ Kedai Runcit	5	7.0
Barang Sejuk Beku	3	4.0
Kuih Muih & Sedia di Makan (SDM)	6	9.0
Biskut/ Kek	2	

PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

CIRI-CIRI KEPERIBADIAN USAHAWAN WANITA KELANTAN

Minat yang Mendalam dalam Perniagaan

Minat yang mendalam dalam perniagaan merupakan ciri yang paling dominan di kalangan usahawan Wanita Kelantan. Tidak dinafikan bahawa minat yang mendalam merupakan antara penyumbang utama dalam pembentukan perniagaan di kalangan usahawan-usahawan mahupun mereka yang berkecimpung dalam perniagaan secara kecil-kecilan. Minat yang mendalam dalam sesuatu bidang perniagaan yang diceburi dapat mencetuskan pelbagai faktor kejayaan dalam perniagaan seperti kegigihan, usaha yang lebih dan berani mengambil risiko. Berikut adalah petikan-petikan infroman berkaitan tentang minat yang mendalam;

"Rahsia kejayaan yang utama adalah minat, bila minat kita akan berserta dengan usaha" (R23)

"…minat berniaga dari muda" (R9)

"…melibatkan diri dalam perniagaan butik pakaian kerana minat yang mendalam kepada pakaian" (R10)

Selain daripada minat yang mendalam yang wujud secara sendiri dalam diri usahawan, terdapat juga faktor-faktor lain yang menyumbang kepada minat terhadap perniagaan, contohnya warisan keluarga, melihat peluang serta dorongan daripada ibu bapa, keluarga dan orang lain. Berikut adalah petikan-petikan terhadap faktor-faktor ini;

"…untuk meneruskan warisan peniagaan che minah songket sejak tahun 2000…" (R13)
"…minat yang mendalam dalam bidang menghias dan membuat kek dan semangat yang tinggi untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya telah mendorong saya melibatkan diri dalam perniagaan ini" (R34)

"Saya sangat mempunyai minat yang mendalam dalam bidang perniagaan. Hal ini membuatkan saya berusaha bersungguh sungguh dalam bidang ini untuk mencapai cita-cita saya" (R61)

Kreatif dan Inovatif

Kreatif dan inovatif amat penting dalam menjana idea dan mengimplementasikan idea tersebut bagi mencapai matlamat perniagaan. Terdapat perbezaan antara kreatif dan inovatif, kreatif adalah cetusan idea dari usahawan mahupun orang-orang disamping atau persekitaran sekeliling bagi membangunkan sesuatu perniagaan baru. Manakala, inovatif adalah cetusan idea yang terhasil daripada inovasi unik kepada keperluan dan penyelesaian masalah yang mencetuskan kepada perniagaan. Hasil temubual informan mendapati sub-tema kreatif dan inovatif ini muncul daripada petikan-petikan seperti di bawah:

"Saya terus berfikir secara kreatif supaya dapat memajukan perniagaan seiring dengan permintaan pembeli" (R53)

"Keupayaan dalam berfikiran di luar kotak…saya sentiasa menampilkan konsep dan idea baharu untuk membina jenama besar yang mampu memberi impak serta dicontohi masyarakat" (R56)

"Saya perlu kreatif mencipta tagline sendiri, penampilan 'bling-bling', kalau tak bing-bling, tak sah. Itu semua untuk 'jual' produk saya. Itu semua agar orang akan ingat siapa xxx dan produk syarikat saya" (R59)

Berakhlak

Ciri-ciri bagi usahawan yang berakhlak adalah seperti bersyukur dan sabar dalam mengharungi aktiviti-aktiviti dalam perniagaan mahupun dalam kehidupan seharian mereka. Secara umumnya, bersyukur adalah ciri-ciri usahawan yang menunjukkan sifat kesederhanaan dalam keperibadian serta tidak menunjuk-nunjukkan kelebihan yang dimiliki oleh diri mereka secara berlebihan. Usahawan dikatakan bersyukur apabila mereka sentiasa merendah diri dan tidak pernah membandingkan diri mereka dengan orang lain. Berikut petikan dari R21;

"Bersederhana, syukur apa yang ada dan tidak sesekali membandingkan diri dengan orang lain" (R21)

Usahawan Wanita Kelantan yang berakhlak juga mempunyai sifat sabar yang tinggi dalam diri mereka. Sifat sabar yang diiringi dengan sikap jujur, amanah, ikhlas serta yakin dengan rezeki yang dikurniakan oleh Allah swt akan membantu melancarkan perniagaan kerana keberkatan yang diperolehi dari sifat tersebut. Selain itu, sabar juga juga dapat dijelaskan dalam bentuk belajar untuk mendapatkan ilmu-ilmu berkaitan dalam perniagaan. Berikut adalah petikan-petikan dari informan berkenaan sub tema sabar;

"Bersabar dan mengingatkan diri bahawa harta tersebut adalah hanya pinjaman daripada Allah" (R3)

"Sabar dan yakin dengan rezeki serta jangan mengalah.. Sentiasa bersabar dan jangan mempunyai hasad dengki di dalam perusahaan" (R7)

"Berusaha, sabar dan belajar dengan sepenuh hati ilmu-ilmu perniagaan, (beliau mengambil perniagan dari ibunya che minah sejak tahun 1983)" (R13)

"Sentiasa jujur dan sabar dalam apa jua keadaan….menerapkan konsep jujur dan sabar dalam kehidupan serta ringan tulang dalam membantu orang lain… Perlu mendidik hati agar sentiasa rendah diri, sabar dan amanah" (R19)

Amalan Ibadah

Ciri keperibadian usahawan Wanita Kelantan adalah mengenai amalan ibadah yang dilakukan oleh mereka. Contohnya niat, zakat, wakaf, solat dhuha, belajar agama, bersilaturrahim dan membaca al-quran.

"Mengutamakan bayaran zakat perniagaan" (R3)

"Selalu amalkan solat dhuha sebelum memulakan perniagaan" (R9)

"Bekerja tetap bekerja tetapi saya tidak lupa dengan kewajipan kepada Allah SWT. Saya akan cuba memastikan pekerja solat tepat pada waktu atau mungkin melakukan solat berjemaah bersama-sama atau mengajak pekerja melakukan amalan yang baik seperti sedekah pada masa yang sama membantu orang lain dalam kesusahan sekali gus mendekatkan diri dengan Allah SWT dengan perbuatan baik. Sentiasa mendekatkan diri dengan Allah SWT mampu menjamin rezeki yang diperoleh sentiasa diberkati dan segala urusan dipermudahkan" (R35)

"Ibadah yang kukuh telah membawa berkat ke atas perniagaan saya. Keberkatan Allah itu sangat penting dalam perniagaan" (R40)

"Saya sentiasa mengingatkan diri saya bahawa hal-hal berkaitan ibadah haruslah saya cakna dan dititikberatkan dan tidak sesekali alpa. Hal ini kerana, rezeki yang ada pada saya sekarang semuanya dari Allah SWT" (R47)

Keyakinan dan Keimanan kepada Allah

Ciri tererusnya adalah berkenaan keyakinan dan keimanan usahawan yang mempengaruhi mereka dalam menjalankan perniagaan. Usahawan wanita Kelantan dilihat mementingkan unsur keyakinan dan keimanan yang tinggi kepada Allah yang mampu menyerap sebarang ketidaktentuan berlaku semasa proses mengatur perniagaan mereka. Malah, ketidaktentuan tersebut dianggap sebagai ujian dari Allah swt yang menguji keimanan seseorang usahawan. Perkara ini jelas dapat dilihat apabila R3 menyatakan seperti dalam petikan di bawah;

"Namum kami bangkit semula dan menganggap ujian itu datang dari Allah untuk menguji keimanan kami..." (R3)

Keimanan ini dapat dilihat melalui konsep doa, rezeki dan keberkatan yang diperolehi dalam menjalankan perniagaan. Doa adalah merujuk kepada kebergantungan usahawan terhadap Allah swt. Ianya perlu diiringi dengan pemahaman konsep rezeki dengan baik. Berikut adalah petikan-petikan informan berkaitan sub tema ini;

"Membantu jika ada pihak yang memerlukan kerana yakin rezeki milik Allah swt dan patut dikongsi dengan yang lain" (R26)

"Rahsia kejayaan beliau adalah beliau bergantung sepenuhnya kepada Allah swt. Beliau percaya rezeki yang datang adalah dari Allah swt…..percaya dalam rezeki kita, ada rezeki orang lain " (R17)

Selain daripada itu, konsep keberkatan dalam perniagaan amat penting bagi seseorang usahawan islam. Konsep ini amat ditagih setelah pemahaman tentang rezeki telah dicapai. Oleh itu, usaha-usaha ke arah mendapatkan keberkatan perlu dilakukan bagi mempermudahkan keberkatan dalam perniagaan. Berikut petikan-petikan informan berkaitan keberkatan dalam menjemput rezeki yang lebih luas dalam perniagaan;

"Hidup untuk mendapat keberkatan Allah dan sentiasa jujur dan ikhlas di dalam apa jua yang dilaksanakan terutama apabila menjalankan perniagaan dan niat untuk mendapat keberkatan Allah dan menyara keluarga. Mengutamakan keberkatan dan mengekalkan perniagaan dengan baik….." (R3)

"Menunaikan solat tahajud dan solat dhuha setiap hari demi mendapat keberkatan rezeki dan dipermudahkan segala urusan…" (R6)

"Saya sentiasa menjaga keimanan dan ibadah saya kerana kejayaan dan rezeki saya terletak di tangan Allah dan saya juga harus berusaha untuk melakukan sesuatu bidang tersebut" (R37)

KESIMPULAN

Ternyata usahawan wanita pada masa kini banyak memberi sumbangan besar kepada perkembangan ekonomi negeri. Penglibatan usahawan wanita bukan sekadar membantu dari sudut perkembangan ekonomi malah juga menggabungkan keperluan keluarga dan kerjaya sekaligus. Kesimpulannya, artikel ini menyajikan penyingkapan ciri-ciri keperibadian usahawan wanita Kelantan yang berjaya dalam industri perniagaan. Secara keseluruhannya, terhadap banyak persamaan di antara ciri-ciri usahawan wanita Kelantan dan Saidatina Khadijah R.A, seperti keperibadian, Tema-tema yang muncul ini

menggambarkan ciri-ciri yang mirip catatan biografi Saidatina Khadijah R.A semasa hayat beliau dalam menjalankan perniagaan.

SUMBANGAN PENULIS BERSAMA

Penulis mengakui bahawa tidak terdapat kepentingan peribadi dalam penerbitan artikel ini. Penulis pertama dan kedua melakukan kajian literatur, metodologi, analisis data, penambahbaikan terhadap perbincangan dan semakan terhadap rujukan. Penulis ketiga menulis kajian literatur, pengumpulan data dan perbincangan. Penulis keempat melakukan penambahbaikan terhadap sorotan literatur manakala penulis kelima menjalankan semakan terhadap struktur ayat, analisis dan perbincangan.

PENGHARGAAN

Penghargaan kepada kesemua 61 orang usahawan wanita Kelantan yang menjadi informan serta memberi kerjasama yang terbaik dengan pihak UiTM dan UKeKWa.

RUJUKAN

Abd Hadi, F. S., & Borhan, J. T. (2013). Faktor-Faktor Kejayaan Perniagaan Khadijah Binti Khuwailid: Analisis Terhadap Usahawan Asnaf di Lembaga Zakat Selangor: The Business Success Factors of Khadijah binti Khuwailid: Analysis of The Asnaf Zakat Entrepreneurs in Lembaga Zakat Selangor. Jurnal Syariah, 21(2), 117-144.

Abu Bakar, M. (2013). Saidatina Khadijah sebagai model usahawan berjaya. Available at: https://core.ac.uk/download/pdf/78485604.pdf

Mohd Dzul Khairi Mohd Noor. (2009). Khadijah Bukan 40 Tahun Ketika Berkahwin Dengan Rasulullah SAW: Mengharmonikan Sirah Nabawiyah, (Batu Caves: Pustaka Ilmi), viii.

Salleh, S. (2013). 10 Tokoh Usahawan Muslimah. PTS.

Sayid A. A Razwy, (1990). Khadija-tul-Kubra (The Wife of the Prophet Muhammed): A Short Story of Her Life (New York: Tahrike Tahsile Qur'an, Inc., 1990), 35.

Ibrahim, N., & Dawood, S. R. S. (2020). Keunikan Budaya Berniaga Wanita Kelantan Di Bandar Kota Bharu. *e-BANGI Journal*, *17*(1).